

10 JUN 1999

Mahathir-Pemuda

HANYA YANG MENJIWAI UMNO ADA DALAM PARTI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tidak berlaku perpecahan dalam Umno dan mereka yang ada dalam parti adalah ahli yang betul-betul berjiwa Umno yang sanggup menjayakan cita-cita parti.

Perdana Menteri berkata mereka yang keluar parti berikutan pemecatan bekas timbalan presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah mereka yang tidak mempunyai jiwa Umno.

"Mereka datang daripada kumpulan lain seperti ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) dan lain-lain...mereka kembali ke pertubuhan asal mereka dan mereka langsung tidak ada jiwa Umno," katanya pada persidangan berita selepas melancarkan Perhimpunan Perkasa dan Gerak Gempur Pilihan Raya Pergerakan Pemuda Umno di sini.

Dr Mahathir berkata amanat beliau dalam perhimpunan itu antaranya bertujuan menjelaskan kepada anggota Pemuda Umno mengenai peranan mereka pada masa akan datang khususnya dalam menghadapi pilihan raya umum.

Beliau juga berkata anggota pergerakan itu diingatkan supaya terus menjiwai semangat perjuangan parti yang disemai oleh golongan pengasas.

"Saya ingatkan mereka kerana ahli pergerakan Pemuda yang ada, dilahirkan selepas merdeka dan mereka tidak faham maksud dijajah. Dengan penjelasan ini mereka akan lebih bertanggungjawab dan membelakangkan kepentingan diri dan mengutamakan perpaduan parti dalam membela nasib orang Melayu," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa sejak negara merdeka, orang Melayu dapat hidup mewah dan selamat tetapi ada di kalangan mereka yang mengambil cara mudah dan tidak menghargai perjuangan Umno.

"Saya perlu mengingatkan mereka bahawa tanpa Umno mereka tidak akan berada di tempat mereka sekarang," katanya.

Mengenai pandangan beliau terhadap Pemuda Umno, beliau berkata pergerakan itu kini lebih bersemangat dan jauh daripada sikap lesu yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Beliau juga berkata sejak Anwar disingkir dari parti pada September tahun lepas, antara 300 dan 400 anggota parti telah dipecat.

Dr Mahathir berkata ada beberapa kes yang belum diselesaikan dan beberapa lagi anggota mungkin dipecat.

"Pemecatan mereka tidak serius kerana Umno mempunyai 2.6 juta anggota," katanya.

Beliau berkata bilangan itu kecil berbanding semasa Tengku Razaleigh meninggalkan Umno pada 1987 untuk menubuhkan Semangat 46.

"Semasa Tengku Razaleigh keluar, ramai mengikutinya termasuk beberapa anggota Majlis Tertinggi tetapi kali ini, tidak ada sesiapa dari Majlis Tertinggi yang meninggalkan parti," katanya.

-- BERNAMA

ara gm mai